

e-proceeding


Technology, Science, Social Science & Humanities
International Conference 2022

Tesshi



Reengineering
Knowledge &
Creativity for
Global Excellence

30
June



***E-PROCEEDINGS
TECHNOLOGY, SCIENCE, SOCIAL SCIENCES AND
HUMANITIES INTERNATIONAL CONFERENCE
TeSSH 2022***

**Reengineering Knowledge and Creativity
for Global Excellence**

Copy Editors:

***Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan***

**Papers presented online at
Technology, Science, Social Sciences and Humanities
International Conference 2022 (TeSSH 2022)
30 June 2022
UiTM Cawangan Kedah, Merbok
Kedah, Malaysia**

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH

Copyright © 2022 is held by the owner/authors(s). These papers are published in their original version without editing the content.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the editors, the Faculty or the University.

Copy Editors/Layout :Nor Azrina Mohd Yusof (Dr.)
Lee Chai Chuen
Juaini Jamaludin
Normaziana Hassan

Cover Design :Asrol Hasan

eISBN : 978-967-2948-33-9

Published by : Universiti Teknologi MARA CawanganKedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Printed by : Perpustakaan Sultan Badlishah
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah,
08400 Merbok,
Kedah,
Malaysia.

Foreword

The papers compiled in these e-proceedings are papers presented online at Technology, Science, Social Sciences and Humanities International Conference 2022 (TeSSH I 2022) held on 30 June 2022 at Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, Kedah, Malaysia. With the theme, ***Reengineering Knowledge and Creativity for Global Excellence***, the conference has brought together presenters of diverse background who shared their conceptual and empirical papers in broad areas that are subsumed under the fields of Technology, Science, Social Sciences and Humanities. These e-proceedings comprise current researches that were undertaken with the rigorous endeavour of knowledge enhancement to ensure that the world of academia will continue to flourish. It is thus hoped that readers will significantly benefit from knowledge contained in these proceedings.

TeSSH I 2022 and these e-proceedings would not have been possible without the great efforts from the presenters, and the generous support from the TeSSH I 2022 committee members and the Rector of UiTM Cawangan Kedah, Prof. Dr. Mohamad Abdullah Hemdi. A heartfelt gratitude is extended to all involved. It is hoped that these e-proceedings will be an impetus to stimulate further studies and research that benefit the society at large.

TABLE OF CONTENTS

1	A Conceptual Paper on Factors That Affect the Shariah Compliance Auditing Among the Islamic Financial Institutions in Malaysia	1
	Saifulrizan Norizan & Marjan Mohd Nor	
2	A Qualitative Study of Entrepreneurial Intention Among UiTM Kedah Accounting Students During Covid-19 Pandemic	8
	Mazlifa Md. Daud, Noora'in Omar, Muhammad Hariz Hamid, Mohd Hafiz Hashim & Anwar Johari	
3	A Review on By-Laws of Alor Setar City Council (MBAS)	21
	Nor Zaini Zainal Abidin, Nur Irinah Mohamad Sirat & Nurul Mazrah Manshor	
4	Accounting For Agriculture in Malaysia: A Special Attention to Aquaculture	27
	Saifulrizan Norizan, Mohd Halim Kadri, Zarina Abu Bakar & Juyati Mohd Amin	
5	Age-Friendly Environment for Older People: Challenges and Plans	34
	Noorlailahusna Mohd Yusof & Suziana Mat Yasin	
6	Aplikasi Inovasi E2 Kit 1.0 Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Litar Asas Elektrik	40
	Siti Rohaiza Zainol, Noor Aziana Abu Taib & Wan Nadirah Rosli	
7	Basic Of Differentiation Using Three Alternative Approach in Seberang Perai Polytechnic	50
	Siti Faridah Ismail, Rosila Adnan & Rohani Hamsan	
8	Bio Natural Food Seasoning from Eugenia Cephalanthum Using Dehydration Method	60
	Hidayah Julaihi, Theivya A/P Santhanasamy & Felicia Bong Lee Chen	
9	Cabaran dan Masa Depan Muzium Negeri Kedah	68
	Juaini Jamaludin	
10	Co-Integration Between Malaysia Stock Market, ASEAN and ASEAN Plus Three Countries During Pre and Post 14th Malaysia's General Election: A Short Run Analysis	72
	Anas Fathul Ariffin, Muhammad Akmal Hakim & Muhammad Hilmi Samian	
11	Computer Science Students' Learning Preferences, Mental Health, And Emotional Issues During Pandemic Covid-19 While Moving Towards Endemic	78
	Ahmad Faiz Ghazali, Noor Azrin Zainuddin, Ahmad Kamalrulzaman Othman & Yusnita Sokman	
12	Customer's Satisfaction: The Role of Food Quality, Service Quality and Ease of Website in Online Food Delivery	86
	Nur Afifah Aliah Husaini, Norhamizan Hamir, Rashid Salleh & Zamri Ahmad	
13	Digital inheritance: Legal Challenges in Malaysia	98
	Nor Azlina Mohd Nor & Ahmad Shamsul Abd Aziz	

14	Digital Literacy: Presentation Made Easy with ACE Alice Shanthi, Nur Izzah Jamil, Sheela Paramasivam, Siti Noor Dian Ahmad & Mohd Nur Fitri Mohd Salim	106
15	Diploma Students' Perceptions of Online Assessment: The Anchor That Holds Them in The ESL Classroom Jaqueline Susan Rijeng, Imelia Laura Daneil, Kimberley Lau Yih Long, Tang Howe Eng & Christine Jacqueline Runggol	115
16	Evolusi Tadbir Urus Dan Perundangan Wakaf Di Malaysia: Satu Analisis Rohayati Hussin, Mohd Zulharmey Abdullah, Afiffudin Mohammed Noor & Farahdina Fazial	125
17	Exploring Strategies to Reduce Adolescents' Involvement in Risky Behaviours from The Perspective Of A Probation Officer Lina Mursyidah Hamzah, Sharifah Muzlia Syed Mustafa, Nurul Fitriah Alias & Norazah Abdul Aziz	142
18	Factors That Lead to Poor Mental Health of Social Media User among UiTM Kedah Degree Students Nur Elisa Aqila Amir Yusrie, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	147
19	How The Covid-19 Pandemic Has Increased the Risk of Compulsive Buying Behaviour And Online Shopping Addiction For Apparel Purchasing In Malaysia: An Overview Of Generation Y And Generation Z Normaziana Hassan, Basitah Taif & Rosita Mohd Tajuddin	155
20	Hubungan Antara Impak Teknologi Maklumat Dan Budaya Organisasi Dalam Kalangan Kakitangan FRIM Nor Arinah Mohamed Zemudin, Muhammad Badri Ishak, Nurul Madiha Mohd Ilham & Wan Nur Syazmira Wan Suhaimi	168
21	Inhibiting Factors to Successful Virtual Teaching and Learning in Engineering Science Topic from the Perspectives of Polytechnic Lecturers Nurul Ain Saipudin, Noorul Amilin Saipudin & Nornazira Suhairom	174
22	Inovasi Sosial Melalui Program Akademik Intensif untuk Pelajar STPM Aliran Sains Tercicir Marinah Muhammad, Wong Hie Ling, Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah & NoorJanatun Naim Jemali	183
23	Investigating the Usefulness of TikTok as an Educational Tool in Learning Chemistry Nur Farha Shaafi, Mohammad Mubarrak Mohd Yusof, Nurul Nabilla Mohammad Khalipah & Norhazly Mohd Hanif	187
24	IPQUEUE: Indoor Premises Control Using Quick Response (QR) Code for Covid-19 Pandemic Mohd Suffian Sulaiman, Zuraidah Derasit & Sharizah Shahar	200

25	Kajian Arah Kiblat Liang Lahat Lama Bagi Tanah Perkuburan Islam Syed Idrus Syed Salim & Nor Asmadi Asri	213
26	Keberkesanan Kaedah Masa Hakiki Sistem Penentududukan Sejagat Dalam Penubuhan Stesen Kawalan Kerja Ukur Tanah Asiah Abdul Satar, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	220
27	Kesediaan Pensyarah Sains Kejuruteraan Dalam Pelaksanaan Mini Projek Secara Hibrid Di Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah Nur Elyani Musa, Shamsul Arif Ismail & Azlina Hassan	229
28	Keunikan Partikel 'Lah' Dalam Terjemahan Surah Yasin di Malaysia Mohd Sufian Ismail & Anida Sarudin	238
29	LEVs As an Assessment Tool for Affective Domain In Laboratory Courses For Diploma In Civil Engineering Narita Noh, Noor Raifana Ab Rahim, Nur Zaidani Wati Mohd Darwis & Juwita Asfar	246
30	Measurements of Customer's Satisfaction towards Courier Services in Malaysia during Covid-19 among Students in UiTM Kedah Siti Nursyahirah Zaffendee, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	256
31	Measurements Of Depression Level Among Students in UiTM Kedah Adlin Mohd Anizam, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	264
32	Media Arts as An Art-Based Interventions in the Institutional Care Environment Raja Eda Shabina Raja Raimie, Mohammad Kamal Sabran & Nur Zaidi Azraai	270
33	Mengatasi Kesalahan Umum Yang Pelajar Lakukan Semasa Menjawab Soalan Peperiksaan Sains Kejuruteraan Nur Azilina Abdul Aziz, Koa Chee Hoon & Siti Aishah Azmi	279
34	Pelaksanaan Wakaf Air di Malaysia: Satu Tinjauan Tadbir Urus Dan Perundangan Nurul Mazrah Manshor, Rohayati Hussin, Syatirah Abu Bakar, Nur Irinah Mohamad Sirat & Salmah Roslim	288
35	Pembangunan MOOC Bagi Kursus Foundation Mandarin (Level II) Berpanduan Model ADDIE Ting Hie Ling	294
36	Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia Mohamad Hanif Abdul Wahab, Azizi Bahauddin & Nor Aniswati Awang Lah	302
37	Pengesanan Graduan Kolej Komuniti Jelebu Ketika Pandemik Covid-19 Noor Aziana Abu Taib, Siti Rohaiza Zainol & Zainatul Fakhir Zainon	313
38	Penggunaan iPad Dalam Menambakbaik Interaksi Di Kalangan Pensyarah Dan Pelajar Bagi Kursus Matematik Kejuruteraan 1 Mohd Syukor Che Omar & Azlina Hassan	317

39	Penggunaan Video <i>YouTube</i> Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Mandarin: Satu Tinjauan Awal	328
	Lee Chai Chuen & Nor Azrina Mohd Yusof	
40	Penguatkuasaan Undang-Undang Dalam Menangani Penyalahgunaan Media Sosial di Malaysia	333
	Ahmad Shamsul Abd Aziz & Nor Azlina Mohd Nor	
41	Penyampaian Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran (Laboratory Work) Secara Atas Talian Terhadap Pembelajaran Pelajar Diploma Geomatik Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah	343
	Nur Aisah Ab Moin & Asiah Abdul Satar	
42	Pelaksanaan Ujian Pra Sebagai Alternatif Untuk Meningkatkan Pencapaian Markah Pelajar Bagi Kursus DBM20023 Matematik Kejuruteraan 2	351
	Siti Norhazlina Shafie & Rosila Adnan	
43	Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan E-Book Dalam Menyelesaikan Tugas Kajian Kes	359
	Farah Abdul Malek, Rohaida Abu Bakar & Liyana Murni	
44	Promoting Learner Autonomy Through Online Global Interactions Among ESL Students	365
	Sharina Saad, Rafidah Amat & Nor Asni Syahriza Abu Hassan	
45	Remote Learning in The Time of Post - Covid-19: The Conceptual Framework of An Interactive PdPR For Primary School Via Visual Basic Programming	380
	Aslina Omar, Samsiah Abdul Razak, Nur Insyirah Mohamad Radzi & Ini Imaina Abdullah	
46	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	385
	Wee Kee Quan, Zamri Mahamod & Shamsul Aizuwani Nawi	
47	Stres Dan Kepuasan Kerja: Analisis Inferensi Faktor Gender Dan Status Perkahwinan Dalam Kepuasan Kerja Pensyarah IPG	397
	Punitha Muniandy, Khairani Zakariya, Azhar Mohd Ali & Ahmad Sukari Mohamad	
48	Student Satisfaction of Public Transportation at UiTM Kedah	408
	Muhammad Azizi Azizurrahim, Sarah Sabir Ahmad, Azfahane Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	
49	Sustainable Smart Retirement City: A Concept Paper	417
	Nazmi @ Nazni Noordin, Zaherawati Zakaria, Mohd Zool Hilmie Mohamed Sawal, Mohd Syahmizan Azmi & Adnan Aminuddin	
50	Teknik Retorik Lafaz-Lafaz Berkaitan Dengan Syaitan Dalam Al-Quran	425
	Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Burhanuddin Wahab, Ahmad Fauzi Yahaya & Mohd Zulkhairi Abd Hamid	
51	The Determinants and Impact of Social Media Content on Consumer Engagement	438
	Marha Abdol Ghapar, Azlina Shamsudin, Nazlin Emieza Ngah & Nur Dalila Adenan	

52	The Distraction That Affects Students Focus Nur Khalyda Kamarol Hisham, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	446
53	The Effects of Varying the Duty Cycle to The Output Voltage in Buck Converter Nurhazwani Saleh	455
54	The Impact of i-Pulih Model Towards Methamphetamine Addicts Recovery in PUSPEN Tampin, Melaka Muhammad Dhamir Audi Azizul, Wan Munira Wan Jaafar, Azlina Mohd Khir & Samir Muhazzab Amin	462
55	The Implementation of National Education Assessment System in Malaysian Primary Schools Shanusi Ahmad, Nor Hasnida Che Md Ghazali & Mohd Nazir Md Zabir	473
56	The Influence of Leadership Style on Lecturer's Performance Azlina Shamsudin, Nalin Emieza Ngah, Marha Abdol Ghapar & Nur Dalila Adenan	481
57	The Internet Addiction (IA) Among Youth Generation Muhammad Arif Ikhwan Aminuddin, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Mhd Azmin Mat Seman	487
58	The Relationship Between Curricular Activities Among Students' Leadership Syarifah Nur Bahirah Syed Jamalulil, Sarah Sabir Ahmad, Azfahanee Zakaria & Syed Mohammed Alhady Syed Ahmad Alhady	493
59	The Role Entrepreneurship Education in Moderating Intention to Be An Entrepreneur Among Students With Learning Disabilities In Malaysia Nazlin Emieza Ngah, Nur Dalila Adenan, Azlina Shamsudin & Marha Abdol Ghapar	504
60	The Usage of Open Green Space (Planting Strip Area) at the Perimeter of Terrace House Unit by The Residents: Case Study in Taman Sinar Intan, Sungai Petani Mohd Zikri Mohd Zaki, Nurul Izzaty Zulkipli, Ahmad Faisol Yusof & Tajul Edrus Nordin	511
61	The Use of Scaffolding in Helping Students Complete Tasks That Require Higher Order Thinking Skills Syakirah Mohammed, Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali, Robekkah Harun & Sharina Saad	525
62	Time Passed and How Much Time Is Left? A Study on Motivation to Graduate on Time (GOT) Nur Dalila Adenan, Marha Abdol Ghapar, Nazlin Emieza Ngah & Azlina Shamsudin	537
63	Underground Mapping for Islamic Mausoleum Syed Idrus Syed Salim, Nor Azme Nordin & Sulzakimin Mohamed	546

Evolusi Tadbir Urus dan Perundangan Wakaf di Malaysia: Satu Analisis

Rohayati Hussin

Fakulti Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah
roha427@uitm.edu.my

Mohd Zulharmey Abdullah @ Abd Halim

Fakulti Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah
zulharmey511@uitm.edu.my

Afiffudin Mohammed Noor

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perlis
afiffudin@uitm.edu.my

Farahdina Fazial

Akademi Pengajian Islam Contemporary (ACIS)
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah
farahdinafazial@uitm.edu.my

ABSTRAK

Wakaf merupakan sektor ekonomi ketiga yang menjadi instrumen dalam membantu kerajaan untuk memajukan sosio ekonomi di Malaysia. Pelbagai agenda berkaitan wakaf dirancang dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak bagi merealisasikan matlamat wakaf. Namun, setiap agenda wakaf yang dirancang dan bakal dilaksanakan adalah tertakluk kepada perundangan wakaf sedia ada agar ia tidak tersasar daripada prinsip wakaf sebenar. Evolusi perundangan wakaf di Malaysia memberi kesan positif terhadap agenda wakaf untuk terus lestari. Namun, dalam dunia globalisasi masa kini, undang-undang wakaf sedia perlu lebih komprehensif agar isu yang timbul dapat diselesaikan dan tadbir urus wakaf dapat diperkasakan. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji perkembangan urustadbir dan perundangan wakaf di Malaysia dahulu dan masa kini. Kajian ini merupakan kajian konseptual yang menggunakan kutipan data perpustakaan dan kaedah analisis dokumen. Melalui kajian ini diharapkan dapat memberi kefahaman kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha menjadikan wakaf sebagai instrumen dalam sektor ekonomi dan seterusnya isu-isu berkaitan urustadbir dan perundangan dapat dielakkan.

Kata Kunci: Evolusi, Majlis Agama Islam, Tadbir Urus, Wakaf, Undang-Undang,

PENGENALAN

Wakaf merupakan instrumen penting dalam pembangunan sosio-ekonomi negara dan umat Islam. Mekanisme wakaf sebagai instrumen pembangunan adalah sangat relevan dan memerlukan pendekatan yang dinamik dalam menguruskan ekonomi masyarakat pada hari ini. Wakaf perlu dibangunkan kerana ia merupakan sumbangan kebajikan secara kekal dan berterusan yang mampu menjana pembangunan negara. Pembangunan wakaf bukan sahaja untuk tujuan keagamaan semata-mata malahan meliputi aspek pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, keusahawanan dan lain-lain. Bagi memastikan kelestarian wakaf, pihak pengurusan perlu memperkembangkan dan merancang pembangunan wakaf dengan lebih bersistematik agar pelbagai manfaat dapat dinikmati oleh umat Islam. Hal ini kerana, pengurusan wakaf yang efektif mampu memberi sumbangan yang

besar terhadap kesejahteraan umat Islam dengan memberi akses kepada pertumbuhan infrastruktur asas yang diperlukan oleh setiap ahli dalam sesebuah masyarakat.

Pada peringkat permulaan pentadbiran di Malaysia, tidak terdapat bukti yang tepat berhubung dengan bentuk pengurusan harta wakaf. Pengurusan harta wakaf pada ketika itu adalah di antara pewakaf atau pemimpin masyarakat tempatan yang terlibat dalam aktiviti keagamaan seperti kadi, imam, ketua kampung, penghulu mahupun jawatankuasa masjid. Pewakaf biasanya akan akan mewakafkan hartanya secara lisan dengan disaksikan oleh beberapa individu yang beragama Islam yang amanah. Seterusnya, orang yang dipertanggungjawabkan itu akan melantik pengurus wakaf sama ada dalam bentuk individu atau kumpulan bagi menguruskan harta wakaf tersebut. Namun begitu, antara kelemahan sistem pengurusan wakaf pada tradisional ialah tidak adanya bukti bertulis berkenaan dengan harta yang di wakafkan. Perkara ini menyebabkan timbul pelbagai masalah seperti harta wakaf yang tidak didaftarkan dan masih kekal di atas nama pewakaf. Akibatnya, jika berlaku kematian pewakaf maka harta wakaf tersebut tidak diketahui oleh pihak lain akan statusnya menyebabkan tanah tersebut dituntut semula oleh waris (Ahmad dan Muhammed, 2011).

Kewujudan institusi wakaf di Malaysia dilihat dapat membantu dalam memperkemaskan pengurusan dan pembangunan wakaf. Wakaf berada di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) yang juga merupakan pemegang amanah tunggal bagi perkara yang berkaitan dan menguruskan wakaf mengikut panduan yang digariskan dalam perundangan wakaf. MAIN juga mempunyai kuasa dalam melantik perbadanan di bawah mereka untuk membantu dalam merencanakan lagi pembangunan dan pengurusan wakaf di Malaysia (Mahmood et al.2017). Perundangan dan enakmen wakaf bagi setiap negeri adalah berbeza mengikut negeri masing-masing menyebabkan corak pengurusan wakaf bagi setiap negeri juga akan berbeza. Secara umumnya, terdapat beberapa isu perundangan dan urus tadbir yang telah merencatkan pembangunan harta wakaf antaranya ialah ketidakseragaman undang-undang, lokasi yang kurang strategik dan tiada enakmen khusus berkaitan pengurusan dan pentadbiran wakaf di negeri-negeri. Ketiadaan enakmen khusus ini menyebabkan tiada perincian tentang tatacara pengurusan dan pentadbiran wakaf. Pembangunan harta wakaf tidak akan berjalan lancar tanpa memperkemaskan aspek perundangan yang berkaitan dengan wakaf.

ASAS PENSYARIATAN WAKAF DAN HUBUNGANNYA DENGAN MAQASID SYARIAH

Hukum syarak yang diturunkan oleh Allah SWT merupakan pensyariatan yang sungguh istimewa. Selain tujuan untuk membuktikan ketaatan manusia kepada Allah SWT dengan hukum wajib dan haram, terdapat pensyariatan yang dikategorikan dalam kategori makruh, sunat dan harus. Antara peranan hukum syarak yang diturunkan oleh Allah SWT adalah untuk memelihara lima aspek utama iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara nasab serta memelihara harta (Aizuddin, 2015). Para ulama mengklasifikasikan kategori tersebut berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan telah membahaskannya dalam satu disiplin ilmu yang dikenali dengan Maqasid Syariah.

Dalam konteks ibadah, terdapat satu amalan yang mampu memelihara dan mengekalkan harta umat Islam selamanya-lamanya. Amalan tersebut dinamakan dengan istilah wakaf. Namun, wakaf bukan merupakan ibadah wajib yang perlu dilaksanakan oleh seluruh umat Islam, bahkan ia hanya satu kelebihan bagi sesiapa yang inginkan ganjaran pahala. Walaupun wakaf bukan merupakan ibadah wajib, namun ianya sangat unik. Ini kerana wakaf bukan hanya mampu mengekalkan harta umat Islam, malah menjamin penggunaannya kepada pihak yang ditentukan dan juga mengalirkan pahala secara berterusan kepada pihak pewakaf. Jika diamati, terma wakaf tidak disebutkan secara khusus dalam al-Quran mahupun hadis, namun para ulama bersepakat ke atas pensyariatan wakaf berdasarkan kepada penelitian ke atas beberapa dalil daripada al-Quran dan juga hadis. Antara dalil yang menjadi hujah para ulama dalam mentafsirkan amalan wakaf adalah firmah Allah SWT di dalam al-Qur'an melalui surah al-Imran ayat 92 yang bermaksud,

Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.

Allah SWT juga berfirman dengan ayat al-Qur'an dalam surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud,

Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai; tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.

Dalil pensyariatan wakaf juga dikuatkan dengan ayat al-Qur'an dalam al-Baqarah ayat 215 yang bermaksud,

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad): apakah yang akan mereka belanjakan (dan kepada siapakah)? Katakanlah: Apa jua harta benda (yang halal) yang kamu belanjakan maka berikanlah kepada: kedua-dua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, dan orang-orang yang terlantar dalam perjalanan. Dan (ingatlah), apa jua yang kamu buat daripada jenis-jenis kebaikan, maka sesungguhnya Allah sentiasa mengetahuinya (dan akan membalas dengan sebaik-baiknya).

Adapun dari sudut hadis, antara sabda Rasulullah SAW yang menjadi dalil kepada pensyariatan wakaf dan menjadi sandaran bagi umat Islam untuk melakukannya adalah melalui hadis di bawah yang bermaksud

Apabila mati seorang manusia, maka terputuslah segala amalannya, melainkan dari tiga perkara, iaitu sedekah jariah, atau ilmu yang bermanfaat dengannya atau anak yang soleh yang mendoakannya.

Para ulama menjelaskan bahawa hadis ini menjadi dalil asal pensyariatan wakaf dan ganjaran bagi sesiapa yang melaksanakannya adalah sangat besar. Para ulama juga mentafsirkan bahawa maksud "sedekah jariah" dalam hadith di atas adalah bermaksud wakaf.

Rasulullah SAW juga telah bersabda yang bermaksud,

Sesungguhnya di antara apa yang dijumpai oleh seseorang mukmin dari amalannya dan kebbaikannya setelah dia mati itu adalah ilmu yang disembarkannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf yang diwariskannya, masjid yang didirikannya, rumah yang dibina untuk ibnu sabil, sungai yang dialirkannya atau sedekah yang dikeluarkan dari hartanya di waktu ia sihat dan semasa hidupnya, memberi pahala kepadanya setelah dia meninggal dunia.

EVOLUSI TADBIR URUS WAKAF DI MALAYSIA DAHULU HINGGA KINI

Pentadbiran wakaf di Malaysia telah lama wujud bermula daripada sebelum kedatangan British ke Tanah Melayu. Evolusi perundangan ini boleh dibahagikan kepada fasa pra penjajahan, fasa semasa penjajahan dan fasa pasca penjajahan atau keadaan selepas kemerdekaan.

Pra Penjajahan

Sejarah membuktikan bahawa undang-undang yang diguna pakai sebelum kedatangan penjajah adalah berteraskan adat dan juga undang-undang Islam. Pengaruh undang-undang Islam ini adalah kerana agama Islam telah berkembang di Asia Tenggara sejak abad ke 13 dan mula bertapak di Melaka pada abad ke 15 (Mohd Awal, 2004). Kerajaan Melayu Melaka adalah kerajaan pertama yang mengistiharkan Islam sebagai agama rasmi dan prinsip undang-undang Islam digunakan dalam menyelesaikan konflik yang berlaku dalam masyarakat ketika itu (Md Dahlan & Kamarudin, 2006). Melaka pada waktu tersebut mengguna pakai Hukum Kanun Melaka yang

berasaskan undang-undang Islam. Dalam masa yang sama, beberapa undang-undang lain juga wujud seperti Undang-Undang Johor, Hukum Kanun Pahang, dan Undang-Undang Kedah pada ketika itu.

Selain undang-undang Islam, undang-undang yang diguna pakai pada waktu tersebut juga mengandungi elemen adat melayu yang diserap masuk sebagai sebahagian daripada undang-undang yang digunakan (Abdul Rashid, 2013). Walaupun kedua-dua undang-undang tidak bertulis ini menjadi sumber utama rujukan dalam penyelesaian konflik, tiada rekod menunjukkan undang-undang berkaitan pentadbiran wakaf secara bertulis diamalkan di negeri-negeri melayu pada waktu ini. Namun begitu, oleh kerana wakaf adalah perkara yang berkait dengan hukum dan amalan dalam Islam, difahamkan hanya prinsip perundangan Islam yang boleh diguna pakai untuk menyelesaikan konflik berkaitan wakaf pada waktu tersebut (Md Dahlan & Kamarudin, 2006) sebagaimana kedudukan undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri seperti diputuskan di dalam kes *Ramah v Laton [1927] 6 FMSLR 128*. Permasalahan berkaitan wakaf yang wujud ketika itu diselesaikan dengan menggunakan undang-undang Islam. Kedudukan undang-undang Islam di Melaka juga tidak berubah malah diteruskan penggunaannya semasa pemerintahan Portugis dan Belanda (Othman, 2013).

Semasa Penjajahan

Zaman penjajahan bermula di Tanah Melayu apabila Melaka ditawan oleh Portugis, dan kemudiannya diikuti oleh Belanda, British dan Jepun sehinggalah Tanah Melayu merdeka pada tahun 1957. Penjajahan Portugis dan Belanda di Melaka tidak memberikan sebarang perubahan dan kesan kepada adat, undang-undang dan amalan agama masyarakat Melayu di waktu tersebut dan difahami termasuk amalan wasiat dan wakaf yang merupakan sebahagian daripada agama Islam. Masyarakat melayu dibenarkan mengamalkan undang-undang mereka sendiri dan bebas meneruskan amalan mengikut adat yang dipengaruhi oleh undang-undang Islam (Mohamed & Sulong, 2016). Ini kerana kedua-dua kuasa besar tersebut lebih memfokuskan penjajahan mereka dalam aspek ekonomi dan menguasai perdagangan berbanding aspek perundangan.

Sebenarnya pentadbiran wakaf di negeri-negeri Melayu telah lama wujud walaupun tiada rekod dokumentasi. Ini kerana masyarakat melayu telah lama menggunapakai undang-undang adat dan juga undang-undang Islam. Cuma pentadbiran wakaf pada waktu tersebut adalah melalui ketua komuniti, Imam, jawatankuasa masjid dan mereka yang terlibat dengan urusan agama Islam (Md Dahlan & Kamarudin, 2006). Kepakaran mereka akan menjadi rujukan jika berlaku konflik berkaitan wakaf dan keputusan yang dibuat berpandukan prinsip undang-undang Islam dan akan mengikat pihak-pihak terlibat (Md Dahlan & Kamarudin, 2006). Kedatangan Inggeris di negeri-negeri Melayu telah mengubah kedudukan undang-undang Islam dan juga wakaf di Tanah Melayu. Walaupun pada ketika itu undang-undang Islam telah digunakan oleh orang-orang Melayu, kedatangan penjajah Inggeris telah banyak mengubah kedudukan tersebut (Mohd Awal, 2004). Pihak Inggeris telah mencampuri urusan pentadbiran negeri-negeri di Tanah Melayu termasuk soal adat dan agama Islam dan memastikan undang-undang Inggeris dapat dilaksanakan.

Pada tahun 1887 sebagai contoh, Mahkamah Sivil di Johor didalam kes *Ashabee & Ors. V. Mohamed Hashim & Anor* telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf wakaf khas yang telah ditetapkan. Mahkamah dalam membuat keputusan tersebut telah menafikan konsep wakaf dalam agama Islam iaitu mesti berkekalan (*in perpetuity*) dan mengambil kira aspek kebajikan (*charitable trust*) seperti yang termaktub dalam undang-undang Inggeris (Md Dahlan & Kamarudin, 2006). Di Pulau Pinang, sejarah perkembangan institusi wakaf direkodkan bermula pada 2 November 1801, selepas Sir George Leit, Gabenor Besar Negeri-Negeri Selat menyerahkan geran tanah bernombor 367/1801 seluas 18 ekar kepada Cauder Mohuden dan kemudian dibina sebuah masjid dikenali sebagai Masjid Kapitan Keling di atas tanah wakaf tersebut (Othman, 2013). Walaupun amalan wakaf telah wujud di Pulau Pinang, British telah campurtangan dalam melenyapkan peranan institusi wakaf dalam masyarakat Islam melalui perundangan, rampasan dan proses memiliknegerakan harta-harta wakaf dan undang-undang Inggeris yang digunakan adalah bertentangan dengan undang-undang wakaf (Othman, 2013). Kes undang-undang yang diputuskan di mahkamah menunjukkan undang-undang Ingeris melangkaui undang-undang Islam dalam perkara wakaf. Di

dalam kes *Fatimah v Logan*, Hakim membuat keputusan bahawa hasil wakaf untuk tujuan kenduri arwah diputuskan batal dan tidak sah walaupun pewakaf iaitu Mahomed Noordin telah memasukkan sepuluh hari kenduri arwah ini sebagai sebahagian daripada niatnya untuk berwakaf. Mahkamah memutuskan undang-undang Inggeris menjadi rujukan utama dan terpakai. Kes tersebut menunjukkan penjajah British mengetepikan undang-undang Islam dan memertabatkan undang-undang Inggeris di Tanah Melayu. Ketiadaan undang-undang Islam dalam bentuk dokumentasi memperkuat hujah British untuk meneruskan agenda mereka (Mohamed & Sulong, 2016).

Campur tangan British di Pulau Pinang dalam hal ehwal wakaf orang Islam berterusan dengan penubuhan Mohommedan and Hindu Endowments Ordinance (MHEO) pada 8 September 1905. Penubuhan MHEO merupakan perancangan British dalam menghapuskan institusi wakaf dan salah satu tujuan pengenalan MHEO adalah bagi membolehkan pihak British mempengaruhi perantaraan pemegang amanah wakaf dan pemimpin masjid (Othman, 2013). Ini menunjukkan wujud campurtangan British dalam pentadbiran wakaf yang telah wujud di Pulau Pinang pada waktu tersebut. Di negeri Johor, undang-undang pertama berkenaan pentadbiran wakaf ialah Enakmen Wakaf No. 11, 1911 yang memperuntukan harta wakaf adalah dibawah kawalan dan seliaan Majlis Agama di mana sebelum kewujudan enakmen tersebut harta wakaf adalah ditadbir oleh pewakaf. Undang-undang wakaf Johor terus berkembang dengan beberapa penambahbaikan melalui pindaan yang berlaku melalui Enakmen Wakaf No. 5, 1935 dan Enakmen Wakaf No. 11, 1973. Seterusnya kedua-dua enakmen ini disatukan dengan mewujudkan undang undang baru iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Islamic Affairs Enactment) No. 14, 1978 bagi memastikan pentadbiran harta wakaf adalah selari mengikut perubahan semasa (Md Dahlan & Kamarudin, 2006).

Di Terengganu, pentadbiran wakaf direkodkan bermula sejak tahun 1920. Sebelum itu tiada badan khas yang mentadbir harta wakaf yang telah diwakafkan di seluruh negeri sedangkan terdapat banyak tanah diwakafkan sebagai sekolah untuk pengajian Islam di Terengganu ketika itu. Kemudiannya, Jabatan Agama Negeri Terengganu ditubuhkan untuk mengurus dan mentadbir harta wakaf. Akhirnya Enakmen Pentadbiran Agama Islam Terengganu diluluskan pada tahun 1955 dengan memberi kuasa kepada Majlis Agama sebagai pengurus semua harta wakaf di Terengganu (Md Dahlan & Kamarudin, 2006).

Kesimpulannya, undang-undang wakaf yang dilaksanakan di negeri-negeri di Tanah Melayu walau pun ia berbeza-beza amalan antara satu sama lain, telah membuktikan bahawa perkembangan pentadbiran wakaf telah lama wujud di negeri-negeri, walaupun ketika itu Tanah Melayu ditadbir oleh penjajah.

Pasca Penjajahan dan Selepas Kemerdekaan

Amalan berwakaf terus berkembang di Tanah Melayu atau kini dipanggil Malaysia selepas penjajahan dan selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Wakaf terus menjadi tradisi masyarakat Melayu sehingga hari ini. Jika dahulu wakaf hanya dikaitkan dengan harta tidak boleh alih dan pewakaf cenderung mewakafkan harta untuk tujuan seperti mewakafkan tanah untuk pembinaan masjid, tapak perkuburan, madrasah dan sekolah agama, kini skop amalan wakaf diluaskan seperti kewujudan wakaf tunai, pendidikan dan sebagainya.

Sebelum tahun 1952, walaupun amalan wakaf telah wujud, namun tiada undang-undang bertulis yang diguna pakai oleh Majlis Agama Islam Negeri dalam melaksanakan pengurusan harta wakaf ketika itu (Isamail et al, 2013). Masyarakat pada masa tersebut mewakafkan harta atas dasar kepercayaan dan amanah. Kebanyakan wakaf diserahkan kepada mereka yang berpengaruh seperti imam masjid, nazir masjid dan ketua kampung untuk diuruskan.

Namun begitu, selepas tahun 1952, pentadbiran wakaf ditambah baik dan lebih sistematik di mana pengurusan wakaf secara keseluruhan telah diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri yang dilantik sebagai pemegang amanah tunggal harta wakaf (Othman, 2013). Akan tetapi, peruntukan undang-undang berkaitan wakaf di Malaysia bersifat tidak menyeluruh dan tidak seragam memandangkan wakaf di bahawa bidang kuasa negeri-negeri dan amalan adalah berbeza mengikut negeri. Secara amnya, peruntukan undang-undang berkaitan wakaf ini wujud di dalam setiap Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri (Syed Abdul Kader, 2016). Ada beberapa negeri

seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Perak, Terengganu dan Sabah telah kehadapan dengan menggubal enakmen khas untuk wakaf bagi negeri masing-masing manakala Johor melaksanakan kaedah wakaf di negeri tersebut melalui Kaedah-Kaedah Wakaf Johor 1983.

SUMBER PERUNDANGAN BERKAITAN WAKAF MASA KINI

Secara asasnya sistem perundangan di Malaysia adalah berteraskan undang-undang *Common Law* sementara hal ehwal agama Islam termasuk undang-undang Islam adalah dibawah kuasa negeri-negeri. Pentadbiran wakaf juga adalah di bawah kuasa negeri-negeri seperti diperuntukan di dalam Senarai Negeri di Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sumber rujukan perundangan wakaf di Malaysia boleh dikategorikan kepada sumber Syarak berteraskan Al Quran dan Hadis, Fatwa, Peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, Akta Parlimen dan juga Enakmen Negeri-Negeri, Keputusan Majlis Penasihat Kewangan Syariah serta keputusan mahkamah.

a) Hukum Syarak Berkaitan Wakaf Berdasarkan Al-Quran Dan Hadis

Secara jelasnya perkataan wakaf tidak disebutkan secara spesifik dalam al-Quran. Oleh itu wakaf merupakan perkara yang bersifat ijtihadi melalui tafsiran fuqaha bersandarkan ayat al-Quran. Terdapat ayat yang merujuk kepada sadaqah daripada makna sedekah jariah yang diertikan sebagai memberikan sesuatu harta semasa hidupnya dan penggunaannya kekal untuk selamanya. Selain itu, sandaran hukum-hakam berkaitan wakaf boleh dirujuk melalui Hadis Saidina Umar yang menerangkan ciri-ciri, sifat dan syarat harta wakaf.

"Daripada Ibnu Umar r.a dia berkata: Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaybar lalu dia datang kepada nabi SAW untuk meminta pendapat berkenaan tanah itu, maka katanya: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku mendapat sebidang tanah di Khaybar, yang mana aku tidak mendapat harta yang lebih bernilai selain darinya, maka apakah perintahmu kepadaku dengan tanah itu?" Maka Rasulullah SAW bersabda: "Jika kamu mahu, tahanlah tanah itu, dan kamu sedekahkanlah manfaatnya." Maka Umar pun menyedekahkan manfaatnya, sesungguhnya tanah itu tidak akan dijual, tidaklah dihibahkan dan tidak boleh diwariskan. Umar telah sedekahkan tanah itu kepada orang-orang fakir, kaum kerabat, hamba yang merdeka, para pejuang di jalan Allah, ibn sabil dan para tetamu. Dan tidak terhalang bagi pihak yang menguruskannya memakan sebahagian daripada hasilnya dengan cara yang makruf dan memakannya tanpa memiliki tanah itu."

Sekiranya kita amati hadis di atas, kita dapat fahami bahawa ciri-ciri dan sifat wakaf yang dilaksanakan oleh Saidina Umar adalah seperti berikut:

- 1.Harta milik persendirian
- 2.Harta yang bersifat kekal
- 3.Harta yang bermanfaat
- 4.Mewakafkan harta dengan cara sukarela tanpa paksaan
- 5.Mewakafkan harta kepada pihak yang memerlukan

Berdasarkan hadis ini ia melahirkan banyak prinsip-prinsip wakaf yang perlu dititik beratkan dalam sesuatu amalan wakaf. Antaranya harta tersebut mestilah harta milik pewakaf sendiri seperti mana Saidina Umar yang mewakafkan kebun miliknya sendiri. Para ulama juga menyatakan sesuatu harta yang ingin diwakafkan mestilah dimiliki sepenuhnya oleh pihak pewakaf (Ibnu al-Humam, 1977). Oleh yang demikian tidak sah seseorang itu mewakafkan harta milik orang lain kerana dia tidak berhak dan berkuasa ke atas harta tersebut.

Seterusnya harta tersebut mestilah kekal manfaatnya. Menurut jumhur ulama, wakaf harta yang tidak kekal manfaatnya adalah tidak sah. Maka sesuatu wakaf berbentuk makanan dan minuman serta barang-barang yang seumpamanya adalah tidak sah kerana makanan tersebut tidak akan kekal fizikalnya dan manfaatnya juga akan hilang (al-Nawawi, T.th). Harta yang ingin diwakafkan juga mestilah mempunyai nilai di sisi syarak dan boleh diambil manfaat daripadanya (al-Ansari, T.th). Antara contohnya adalah seperti tanah, kebun, rumah, kenderaan dan sebagainya. Tidak sah wakaf dari barang yang tidak dihalalkan seperti khinzir, anjing dan barang-barang hasil

dari perbuatan mencuri. Begitu juga hukumnya sekiranya mewakafkan alat-alat yang boleh menyebabkan berlakunya perkara-perkara maksiat seperti peralatan muzik, alat perjudian dan sebagainya kerana perkara-perkara tersebut jelas dilarang oleh Allah SWT.

Selain daripada itu, pewakaf juga mestilah mewakafkan hartanya dengan hati yang ikhlas, rela, tanpa dipaksa atau terpaksa. Apabila seseorang itu berada dalam keadaan terpaksa untuk mewakafkan harta miliknya maka wakaf itu tidak sah. Tetapi sekiranya paksaan itu berlaku disebabkan ada hak mengikut syarak seperti seseorang yang telah bernazar untuk mewakafkan sebahagian dari hartanya kemudian dia enggan untuk melaksanakan apa yang telah dia nazarkan maka dalam hal ini mahkamah atau pihak yang berkuasa berhak memaksanya untuk melaksanakan nazarnya atau merampas bahagian harta yang telah dinazarkannya itu (al-Bayjuri, T.th). Bagi pentadbir wakaf pula, boleh ambil sedikit bahagian daripada hasil wakaf sebagai upah atau gaji. Hujah ini juga berdasarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang menceritakan tentang wakaf oleh Saidina Umar RA. Namun, harus diperhatikan di sini bahawa upah yang boleh diambil atau diberikan kepada pihak pentadbir wakaf adalah hasil daripada harta wakaf, bukanlah bahagian daripada harta wakaf yang asal.

b) Fatwa-Fatwa

Fatwa merupakan perkataan daripada bahasa Arab yang terdiri daripada perkataan *fata* dan *afta*. Perkataan tersebut membawa makna meminta penerangan. Zain al-Din al-Razi menyatakan bahawa fatwa yang membawa erti ifta' atau istifta' bermaksud meminta penerangan berkenaan sesuatu masalah (al-Razi, 1988). Abu Zahrah mentakrifkan fatwa sebagai suatu jawapan atau perkhayaban bagi setiap permasalahan yang timbul atau yang benar-benar berlaku. Bagi Ibrahim Najib, maksud fatwa ialah menjawab perkara-perkara yang musykil (Ibrahim Najib, 1975). Dalam kitab al-Munjid, fatwa didefinisikan sebagai perbuatan yang dikeluarkan oleh seseorang yang alim mengenai hukum-hukum yang berkaitan dengan perkara Syariah (Luis Ma'luf, 1952). Menurut Ibnu Manzur, perkataan futa dan fatwa membawa maksud perbuatan yang dilakukan oleh seorang mufti berkenaan sesuatu hukum atau satu hukum yang dikeluarkan oleh orang yang fakih (Ibnu Manzur, 1956). Adapun pendapat Ibrahim Mustafa, fatwa merupakan jawapan kepada kemusykilan dalam masalah hukum syarak atau undang-undang (Ibrahim Mustafa, t.th). Muhammad bin Hussain menyatakan bahawa, fatwa dari sudut bahasa bermaksud menjelaskan hukum hakam, manakala dari sudut istilah pula perkataan fatwa membawa maksud menjelaskan hukum-hukum syarak (Muhammad, 1427H). Bagi Al-Qasimi, fatwa bermaksud menjawab masalah yang menjadi kemusykilan dalam hukum (al-Qasimi, 1985). Muhammad Abd al-Rauf menyatakan bahawa, fatwa adalah penerangan dan penjelasan pada hukum realiti yang ditanya oleh seseorang kepada orang yang faqih (al-Manawi, 1989). Takrif fatwa menurut Mohd Idris Abdul Rauf al-Marbawi pula ialah Hukum Syarak yang dikeluarkan oleh mufti (al-Marbawi, 1990).

Mufti merupakan seorang individu yang bertanggungjawab dalam mengeluarkan fatwa (Ahmad, 2012). Menurut Ibn Abidin, mufti ialah individu yang mengkhayarkan atau menjelaskan sesuatu hukum. Seseorang yang memegang jawatan mufti mestilah memenuhi syarat-syarat tertentu antaranya adalah bersifat mujtahid. Selain mampu memahami dali-dalil daripada al-Quran dan hadis, beliau juga perlu memahami realiti semasa kehidupan masyarakat di satu-satu tempat serta keperluan semasa yang bersifat kontemporari. Hal ini bagi menjamin sesuatu isu yang difatwakan menepati dengan kehendak Islam dan bukan di atas faktor kepentingan tertentu.

Fatwa Berkaitan Wakaf Dikeluarkan Berdasarkan Sesuatu Isu

Di Malaysia terdapat Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan juga Jawatankuasa Fatwa Negeri yang telah ditubuhkan di setiap negeri di seluruh Malaysia bagi membincangkan serta memutuskan sesuatu hukum dalam agama Islam. Penubuhan Jawatankuasa Fatwa ini sangat signifikan berikutan peningkatan kemajuan dan kemodenan dalam segala sektor yang memerlukan kepada ijtihad oleh golongan ulama sama ada dalam masalah pelaburan harta, produk pembiayaan perbankan, kaedah perubatan moden, serta pelbagai isu yang berkaitan dengan hukum fekah semasa termasuklah dalam permasalahan yang berkaitan dengan hal ehwal wakaf.

Antara fatwa berkaitan harta wakaf, kita dapat lihat beberapa isu seperti yang berlaku di Negeri Kedah, Perak dan Johor. Di Negeri Kedah, terdapat pembinaan kompleks perniagaan yang dilaksanakan bagi maksud pembangunan semula bangunan Plaza Tunku Yaakob yang telah terbengkalai sejak tahun 1982. Justeru pihak berkuasa telah membuat keputusan untuk meneruskan semula pembinaan bangunan tersebut dengan nama Plaza Aman Central. Pembangunan kompleks ini telah melibatkan pengambilan sebuah tapak dan bangunan wakaf iaitu Madrasah Salihyyah yang terletak di atas Lot 623 GRN 95152 (lot baru 418), di Jalan Tambang Badak, Mukim Kota Setar, Daerah Kota Setar.

Setelah meneliti permohonan daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan mendapat maklumat serta penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah, maka pada 2 Syaaban 1432 bersamaan 4 Julai 2011, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah memutuskan bahawa:

- i. Bagi memelihara amanah pihak yang mewakafkan tapak Madrasah Salihyyah, pemaju hendaklah membayar wang pampasan mengikut nilai semasa yang munasabah kepada Majlis Agama Islam Negeri Kedah sebagai pemegang amanah wakaf.
- ii. Majlis Agama Islam Negeri Kedah bertanggungjawab ke atas wang pampasan tersebut untuk mendapatkan satu tapak baru bagi menggantikan tapak asal Madrasah Salihyyah (menggunkan kaedah istibdal).
- iii. Pemaju hendaklah mendirikan sebuah surau berasingan daripada kompleks membeli belah Plaza Tengku Yaakub atau dibina di tingkat bawah kompleks berkenaan.
- iv. Surau baru yang dibina hendaklah;
 - a. Memperlihatkan kubah, menara atau apa-apa jua lambang yang menampakkan sebuah surau untuk menonjolkan syiar Islam.
 - b. Keluasan yang sama atau lebih daripada surau Madrasah Salihyyah sedia ada.
 - c. Kos pembinaan dibiayai oleh pemaju.
 - d. Diwujudkan tempat wudhu' dan bilik air yang terasing antara lelaki dan perempuan di kawasan surau tersebut.
 - e. Jawatankuasa Fatwa menasihatkan agar Jawatankuasa Madrasah Salihyyah yang sedia ada dilibatkan dalam pentadbiran dan pengurusan surau baru tersebut (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah).

Selain itu, fatwa juga telah memainkan peranan terhadap isu tanah wakaf tapak perkuburan Islam Masjid Al-Kausar Kampung Titi Baru. Tanah wakaf yang berkeluasan 0.92 relong tersebut terletak di Lot 671 GM 313, Kampung Titi Baru, Mukim Bukit Pinang, Daerah Kota Setar. Tapak perkuburan itu terletak agak jauh dari Masjid al-Kausar dan menyukarkan pihak masjid untuk menguruskan jenazah apabila berlaku kematian. Oleh yang demikian pihak Masjid al-Kausar telah memohon kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah untuk menukar tapak perkuburan tersebut dengan sebidang tanah yang terletak di Lot 638 GM 388 bersebelahan dengan Masjid al-Kausar dengan persetujuan tuan tanah tersebut. Berikutan daripada itu pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah membawa usul cadangan tersebut kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bagi mendapatkan jawapan terhadap cadangan istibdal tanah wakaf tersebut (Ahmad Zaki, 2015).

Setelah itu, pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah membuat lawatan tapak pada 28 Januari 2013 bagi mendapat gambaran yang jelas terhadap permohonan istibdal tapak perkuburan oleh jawatankuasa Masjid al-Kausar. Setelah mendapat penjelasan daripada pihak jawatankuasa masjid, maka pihak Jawatankuasa Fatwa tiada ketegahan menyokong cadangan jawatankuasa masjid untuk menukar ganti (istibdal) tanah wakaf Lot 671 GM 313 Mukim Bukit Pinang, Daerah Kota Setar seluas 0.92 relong milik Majlis Agama Islam Negeri Kedah dengan Lot 638 GM 388 Mukim Bukit Pinang Daerah Kota Setar seluas 0.92 relong milik Zulkifli bin Osman, Ilyas bin Osman, Nuriah binti Osman dan Fatimah binti Mat Isa (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah).

Selain itu, terdapat isu permohonan Persatuan Bekas Pelajar-pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid melalui Jabatan Pendidikan Negeri kepada pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah bagi

memindah tapak perkuburan yang terletak di kawasan yang berhampiran dengan kolej untuk dijadikan tapak bangunan persatuan. Tanah perkuburan yang dimaksudkan terletak di atas Lot 493 RC 188 Mukim Derga, Daerah Kota Setar dengan keluasan 363 Jemba 20 kaki persegi. Rentetan daripada itu, Pihak Majlis Agama Islam Negeri Kedah telah membawa permohonan pertukaran tapak perkuburan tersebut kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bagi memohon pandangan terhadap cadangan untuk melaksanakan istibdal ke atas tapak perkuburan tersebut.

Setelah mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah dibuat pada 31 Oktober 2011 bagi membincangkan perkara berkenaan, maka pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah telah membuat keputusan bahawa pihak Jawatankuasa Fatwa tiada ketegahan menyokong cadangan Majlis Agama Islam Negeri Kedah supaya Jabatan Pendidikan Negeri (Kolej Sultan Abdul Hamid) menggantikan tapak yang terlibat dengan tapak baru berdekatan kubur Masjid Tanjung Bendahara dengan keluasan yang sama mengikut kaedah istibdal (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah).

Di Negeri Perak, terdapat isu yang diselesaikan oleh fatwa terhadap tanah wakaf yang terletak di Wilayah Kampung Serkai Jadi, Mukim Belanja, Daerah Kinta. Tanah yang berkeluasan 218 ekar tersebut telah diwakafkan bagi tujuan kebajikan anak-anak yatim dan orang Islam. Daripada jumlah tersebut, PBN telah mengambil keputusan untuk membatalkan status perwakafan tanah itu seluas 56 ekar bagi pelaksanaan rancangan pertanian berkelompok (Fail Majlis Agama Islam Negeri Perak 2015).

Setelah kes tersebut dirujuk kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak yang dipengerusikan oleh Mufti Kerajaan Negeri Perak iaitu SS Tan Sri Dato Seri Haji Harussani bin Haji Zakaria, Jawatankuasa Fatwa telah membuat ketetapan bahawa, tanah Wakaf Am seluas 218 ekar di Wilayah Kampung Serkai Jadi Tronoh, Mukim Belanja, Daerah Kinta, Perak, sepertimana kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Perak (MMK) kali ke- 1287 2 Ogos 1995 tersebut tidak boleh dibatalkan disebabkan harta wakaf tidak boleh dijual, dibeli, dijadikan hadiah atau pusaka berdasarkan kepada wakaf Saidina Umar al-Khattab r.a menyebut mengenai harta wakafnya. Oleh yang demikian, pengambilan tanah wakaf seluas 56 ekar daripada 218 ekar tersebut hendaklah dibuat menerusi kaedah istibdal (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak). Melalui konsep tersebut, PBN telah menukar ganti tanah wakaf yang diperlukan tersebut dengan sebidang tanah di Lot 14890 Wilayah Papan, Mukim Belanja, Daerah Kinta manakala baki seluas 162 ekar tanah wakaf itu kekal statusnya sebagai tanah wakaf dan diletakhak kepada pihak MAIPK sebagai pemegang amanah.

Selain itu, terdapat kes dua lot tanah wakaf yang telah diwakafkan untuk kegunaan tanah perkuburan Islam telah diambil oleh PBN bagi pembangunan The International University of Commonwealth Malaysia. Tanah wakaf yang terlibat dengan pembangunan universiti tersebut ialah:

- i. Lot 4943 (3310/24.04.1933) yang terletak di Kampung Baru Batu 4, Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang, berkeluasan 1.9121 hektar.
- ii. Lot 2056 (3277/12.11.1946) yang terletak di Jalan Telok Intan, Tapah Road, berkeluasan 1.2216 hektar.

Setelah perkara tersebut dibawa kepada mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-202 yang berlangsung pada 17-19 September 2014, Jawatankuasa telah memperaku dan bersetuju dengan cadangan menggantikan tanah wakaf perkuburan Lot 4943 dan Lot 2056 Mukim Batang Padang, Daerah Batang Padang ke suatu lokasi baharu dengan beberapa syarat iaitu: (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak).

- i. Hendaklah dipastikan tanah yang akan ditukarkan atau yang akan dibeli itu mestilah tidak kurang atau sama nilai dengan tanah yang sedia ada;
- ii. Hendaklah dipastikan tanah yang akan ditukar atau bakal digantikan itu bukanlah tanah yang telah diceroboh atau bermasalah; dan
- iii. Pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak hendaklah melihat, meneliti dan meninjau dahulu sebarang bentuk cadangan perwakafan sebelum menerima wakaf tersebut.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak juga telah berperanan dalam menyelesaikan masalah perwakafan yang tidak menepati hukum syarak. Dalam syarak, sesuatu harta yang diwakafkan mestilah harta yang dapat dimanfaatkan. Masalah ini berpunca daripada pihak pewakaf sendiri yang

telah mewakafkan tanah berpayu untuk kegunaan sebagai tanah perkuburan Islam. Tanah wakaf yang dimaksudkan terletak di atas Lot 138312, Kampung Batu 7, Jalan Tanjung Tualang, Mukim Tanjung Tualang, Daerah Kinta dengan keluasan 20 ekar (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak).

Bagi melangsungkan pewakafan dan manfaat bagi umat Islam, pihak MAIPk telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan kaedah istibdal ke atas tanah wakaf tersebut dengan mencari lokasi yang lebih strategik dan sesuai bagi dijadikan sebagai tapak perkuburan Islam yang baru (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak). Perkara berkenaan telah diusulkan kepada pihak Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak bagi mendapatkan pandangan serta keputusan untuk melaksanakan kaedah istibdal ke atas tanah wakaf tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke-203 yang diadakan pada 23 hingga 25 Februari 2015 telah membuat keputusan berkenaan penggantian tanah perkuburan Islam Kampung Batu 7 di atas Lot 138312, Mukim Tanjung Tualang, Daerah Kinta tersebut dengan tanah atau tapak yang lain yang mempunyai kesamaan atau lebih nilai tapak menggunakan kaedah istibdal. Ini kerana tanah yang diwakafkan tersebut berpayu dan tidak sesuai untuk dijadikan tanah perkuburan (Cabutan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak).

Di Negeri Johor adalah pihak Jabatan Mufti Negeri Johor telah mengeluarkan fatwa berkaitan tanah wakaf berikutan projek Pembangunan Kampung Tersusun yang dilaksanakan di Kampung Paya, Mukim Layang-layang, Kluang. Dalam pembangunan tersebut, terdapat satu lot tanah wakaf yang terlibat iaitu PTD 5944 HS(D) 54611 seluas 8.95 ekar. Tanah wakaf itu telah diwakafkan oleh Kerajaan Negeri Johor menerusi wakaf irsad bagi tujuan kebajikan sebagai tapak perkuburan Islam. Sebelum tanah wakaf tersebut diluluskan untuk ditukarkan, pihak MAIJ telah memohon pandangan dan persetujuan daripada Jabatan Mufti Negeri Johor bagi rancangan pelaksanaan pertukaran tersebut. Setelah Jabatan Mufti Negeri Johor membuat penelitian daripada segenap aspek, maka Jabatan Mufti Negeri Johor telah menyatakan bahawa permohonan pertukaran tapak perkuburan Islam di atas PTD 5944 Kampung Paya, Mukim Layang-layang tersebut adalah harus mengikut hukum syarak (Fail Majlis Agama Islam Negeri Johor 2017). Bagaimanapun, pihak Jabatan Mufti Negeri Johor telah menetapkan dua syarat bagi pelaksanaan tersebut. Syarat yang pertama adalah luas tanah yang digantikan lebih besar atau sama dengan tanah yang digunakan. Syarat yang kedua pula adalah nilai tanah yang digantikan lebih tinggi atau sama dengan tanah yang digunakan.

c) Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Kedudukan wakaf di Malaysia adalah jelas dibawah bidang kuasa perundangan negeri-negeri seperti termaktub di dalam perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang perlu dibaca bersama Jadual Kesembilan. Butiran 1, Senarai Negeri di Jadual Kesembilan memperuntukan:

"Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahtarafan, penjagaan anak, pembahagian harta dan amanah bukan khairat; Wakaf Islam dan takrif serta peraturan mengenai amanah khairat dan khairat agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat istiadat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum syarak dan iktikad dan adat Melayu."

Jadual ke Sembilan memperuntukan perkara-perkara dibawah kuasa negeri seperti perkara berkenaan undang-undang Islam, undang-undang diri dan keluarga berhubung dengan warisan berwasiat, perkahwinan, cerai, nafkah, dan termasuk perkara berkaitan wakaf di dalam Islam. Ini menunjukkan Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa penuh kepada badan perundangan negeri untuk menggubal undang-undang khusus berkenaan amalan berwakaf dan mengawal selia perkara berkaitan wakaf.

Pindaan terhadap Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan pada tahun 1988 dengan memasukkan peruntukan baru iaitu Fasal 1A yang menghalang Mahkamah Sivil mencampuri urusan bidang kuasa Mahkamah Syariah secara tidak langsung memperkasakan kuasa Mahkamah Syariah dan mengelakkan konflik dalam membuat keputusan. Walau bagaimanapun, pindaan tersebut tidak memberi impak yang besar khususnya dalam kes melibatkan wakaf kerana terdapat kes-kes yang berlaku selepas pindaan perlembagaan masih diputuskan oleh Mahkamah Sivil berbanding Mahkamah Syariah seperti kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang v Isa Abdul Rahman* [1992] 3 CLJ 1675; *G Rethinasamy v Religious Council of Penang* [1993] 2 CLJ 605; *Shaik Zolkaffly bin Shaik Natar & Ors v Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai* [2003] 3 MLJ 705; *Barkath Ali bin Abu Backer v Anwar Kabir bin Abu Backer & Ors* [1997] 2 CLJ Supp 295 (Syed Abdul Kader & Md Dahlan, 2009).

d) Akta dan Enakmen Berkaitan Wakaf

Di Malaysia terdapat beberapa peruntukan undang-undang Parlimen berkait secara langsung dengan pengurusan wakaf. Seksyen 3, Akta Undang-Undang Sivil 1956 menjelaskan keadaan jika tiada peruntukan undang-undang bertulis di Malaysia, maka Mahkamah Sivil hendaklah merujuk kepada undang-undang Inggeris dan kaedah equiti seperti yang terpakai di England mengikut tarikh yang ditetapkan di dalam seksyen tersebut. Walau bagaimanapun, pemakaian undang-undang Inggeris ini tertakluk juga kepada kesesuaian dengan keadaan masyarakat tempatan seperti adat resam dan agama. Tiada peruntukan di dalam Akta Undang-Undang Sivil 1956 yang secara langsung menyentuh perkara berkaitan wakaf, namun seksyen 25 akta tersebut menyatakan bahawa tiada mana-mana bahagian dalam akta ini yang memberi kesan kepada pengagihan harta mengikut undang-undang Islam. Ini bermaksud Akta Undang-Undang Sivil 1956 mengiktiraf undang-undang islam termasuk harta wakaf kerana wakaf adalah amalan di dalam agama Islam.

Kanun Tanah Negara 1965 juga merupakan undang-undang Parlimen yang menjadi sumber rujukan utama berkaitan hal ehwal tanah di Malaysia kecuali Sabah dan Sarawak. Ianya merupakan undang-undang yang meliputi soal pemilikan, pegangan tanah, pindah milik, pendaftaran dan sebarang urusan melibatkan tanah. Kanun Tanah Negara memperuntukan setiap perkara dan urusan melibatkan tanah hendaklah didaftarkan. Ia selari dengan peruntukkan seksyen 340 (1) bahawa "hak milik atau kepentingan mana-mana orang atau badan buat masa itu didaftarkan sebagai tuan punya mana-mana tanah, atau atas nama siapa apa-apa pajakan, gadaian atau isemen adalah buat masa itu terdaftar, hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berikut seksyen ini, tidak boleh disangkal". Pendaftaran adalah syarat utama kepada pemilikan semua jenis tanah dan membolehkan pemilik tanah mendapat hak milik yang tidak boleh disangkal, dipersoalkan, dan atau dicabar oleh mana-mana pihak.

Walaupun seksyen 340 (1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan pendaftaran bagi hak milik tanah, namun ia tidak terpakai untuk perkara melibatkan wakaf sebagaimana seksyen 4 (2) (e) akta yang sama mengecualikan wakaf daripada peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara. Seksyen tersebut menyatakan:

Seksyen 4 (2): Kecuali setakat mana yang diperuntukkan dengan nyata sebaliknya, tiada apa jua dalam Akta ini hendaklah menyentuh peruntukan-peruntukan:

(e) mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa berhubungan dengan wakaf atau baitul-mal.

Berdasarkan peruntukan seksyen tersebut, Kanun Tanah Negara tidak terpakai untuk wakaf dan klausa "mana-mana undang-undang buat masa itu berkuatkuasa" adalah merujuk kepada undang-undang Islam di Malaysia (Md Dahlan & Kamarudin (2003). Walaupun Kanun Tanah Negara tidak mensyaratkan pendaftaran untuk tanah wakaf, namun peruntukan keperluan mendaftar tanah

wakaf telah digubal dan terdapat di dalam beberapa enakmen wakaf negeri-negeri seperti Seksyen 6 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005, Seksyen 6 Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005 dan Seksyen 15 Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015. Oleh itu, pendaftaran tanah wakaf adalah penting dan perlu bagi mendapat hak milik yang tidak boleh disangkal dan bagi melindungi kepentingan Majlis Agama Islam selaku Pemegang Amanah. Proses pendaftaran hendaklah selari dengan prosedur pendaftaran sebagaimana diperuntukan di dalam Kanun Tanah Negara.

Pada Tahun 1992, berlaku pindaan pada Kanun Tanah Negara dengan dimasukkan peruntukan seksyen 421A yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengeluarkan perintah berkenaan tanah melibatkan hak milik orang Islam. Pindaan ini memberi kuasa baru kepada Mahkamah Syariah yang mana sebelum ini kuasa hanya ada pada Mahkamah Sivil. Oleh itu, Mahkamah Syariah boleh mengeluarkan perintah kepada Pendaftar atau Pentadbir Tanah untuk mendaftarkan pindah milik hartanah yang dibuat pengagihan mengikut cara Islam seperti hibah, wasiat, pusaka, harta sepencarian dan wakaf jika mengikut syarat walaupun tanpa proses pindahmilik seperti yang ditetapkan oleh Kanun Tanah Negara (Abdul Rashid, 2013).

Selain itu, pentadbiran harta wakaf di Malaysia juga tertakluk kepada peruntukan di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi kes melibatkan pengambilan tanah oleh pihak berkuasa. Akta ini terpakai bagi semua kes pengambilan tanah di Malaysia termasuk tanah berstatus wakaf. Seksyen 3 secara jelas memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mengambil mana-mana tanah yang diperlukan:

- a) Bagi apa-apa maksud awam;
- b) Oleh mana-mana orang atau perbadanan bagi apa-apa maksud yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri memberi manfaat kepada pembangunan ekonomi Malaysia atau mana-mana bahagian dari itu atau kepada orang awam pada am atau mana-mana kelas orang ramai; atau
- c) Bagi maksud melombong atau kediaman, pertanian, perdagangan, perindustrian atau rekreasi atau mana-mana kombinasi maksud tersebut.

Apabila pihak berkuasa memerlukan mana-mana tanah termasuk tanah wakaf untuk pembangunan yang berstatus berkepentingan awam, pemilik harus menyerahkan mengikut peruntukan yang tersedia di dalam akta tersebut. Frasa “maksud awam” di dalam seksyen 3 didefinisikan sebagai pengambilan tanah untuk memberi kemudahan kepada masyarakat seperti membina sekolah, jalan raya, hospital yang mana masyarakat mendapat manfaat. Sebagai balasan kepada pengambilan tanah wakaf, Majlis Agama Islam selaku Pemegang Amanah harta wakaf layak dibayar gantirugi pampasan berdasarkan peruntukan di dalam seksyen 14 Akta yang sama. Jumlah pampasan yang dibayar adalah mengikut harga pasaran semasa dan tiada perbezaan pampasan antara tanah berstatus wakaf atau tidak walaupun tanah wakaf ini mempunyai nilai keistimewaan kepada orang Islam (Wan Ismail, 2017). Namun begitu, pampasan yang diterima boleh digunakan oleh Majlis Agama Islam untuk melakukan proses membeli tanah baru bagi menggantikan tanah wakaf asal yang telah diambil melalui konsep Istibdal.

e) Keputusan Majlis Penasihat Kewangan Syariah

Pembaharuan dalam enakmen wakaf membolehkan industri wakaf bersinergi dengan bidang yang lain seperti perbankan Islam, takaful dan modal Islam secara tidak langsung dapat memajukan harta wakaf. Perkembangan baharu wakaf yang dinamik memberikan kesedaran bahawa wakaf saling memerlukan produk dan perkhidmatan perbankan Islam dan produk Islam, memandangkan majlis yang diberikan amanah untuk menguruskan wakaf bergantung pada sumber kewangan yang diberikan oleh kerajaan dan baitulmal. Pengiktirafan kepada kepelbagaian wakaf dan mazhab melahirkan prinsip wakaf yang bersifat fleksibel dan dinamik. Wakaf tunai merupakan instrumen pengumpulan dana yang banyak manfaat kepada masyarakat. Namun begitu, enakmen wakaf baharu dilihat hanya membuka jalan kepada pendefinisian wakaf tunai, tetapi tiada peruntukan yang memberikan alternatif cara wakaf tunai boleh digunakan sebagai suatu platform mampan sebagai penggerak wakaf di Malaysia. Peruntukan undang-undang wakaf hari ini bukan sahaja tidak mencukupi, malahan menjadi halangan untuk industri wakaf berdikari kerana masih terikat dengan konflik mahkamah sivil atau mahkamah Syariah (Mohamad, 2018). Selain itu, peruntukan undang-

undang yang sedia ada juga belum komprehensif dan tidak setanding dengan perkembangan wakaf yang begitu pesat.

Di Malaysia, keputusan yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah bukan sahaja mengikat Institusi-Institusi Kewangan Islam, tetapi keputusan itu juga perlu diambil kira oleh Mahkamah. Perkara ini merujuk kepada Seksyen 56 Akta Bank Negara 2009, Majlis Penasihat Syariah perlu dirujuk dalam sebarang penghakiman bagi kes-kes yang berkaitan dengan Sistem Kewangan Islam (Mohd Arif & Markom, 2011). Selain itu, berdasarkan Seksyen 52 Akta Bank Negara 2009, fungsi Majlis Penasihat Syariah adalah seperti berikut: 1. menentukan hukum Syarak mengenai apa-apa perkara kewangan dan mengeluarkan keputusan apabila dirujuk kepadanya; 2. menasihati Bank mengenai apa-apa isu Syariah yang berhubung dengan perniagaan kewangan Islam yang merangkumi aktiviti atau transaksi Bank; 3. menasihati mana-mana institusi kewangan Islam atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis; dan 4. apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diputuskan oleh bank.

Oleh itu, seiring dengan perkembangan sistem kewangan dan perbankan Islam di Malaysia, kerangka perundangan sistem kewangan Islam perlu lebih diperkasakan dalam menentukan kedudukan dan peranannya bagi mengelakkan keraguan dan ketidakyakinan umum kepada produk dan operasi kewangan Islam.

f) Keputusan-Keputusan Mahkamah Berkaitan Isu Wakaf

Berikut merupakan tiga (3) contoh keputusan mahkamah berkenaan isu-isu wakaf.

i) Kes berkaitan Fatwa yang tidak diwartakan: *Dato' Bentara Luar [1982] 2 MLJ 265 (Mahkamah Persekutuan)*

Kes ini melibatkan penentuan kesahan wakaf. Mahkamah Persekutuan telah diminta untuk memberikan keputusan samada wakaf yang dibuat pada tahun 1909 oleh Dato' Bentara Luar untuk kedua anaknya adalah sah atau tidak. Mufti Johor telah memberikan fatwa bahawa tanah itu telah menjadi wakaf yang sah mengikut Hukum Syarak

Hakim berpendapat sungguhpun mahkamah tidak terikat untuk menerima fatwa, mahkamah juga pada masa yang sama tidak terikat untuk menolak pandangan fatwa yang dinyatakan. Hal ini kerana, undang-undang Islam merupakan undang-undang di negara ini. Oleh yang demikian, mahkamah tidak mempunyai alasan untuk menolak pandangan fatwa tersebut. Mahkamah juga bukanlah mempunyai kepakaran dalam bidang perundangan Islam (Md Yusof & Wook, 2017).

ii) Kes berkaitan Kesahan Wakaf: *Isa Abdul Rahman v Majlis Agama Islam, Pulau Pinang [1996] 1 CLJ 283 (Mahkamah Tinggi)*

Kes ini merupakan satu permohonan injuksi bagi menghalang Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) untuk merobohkan masjid dan membangunkan bangunan lain di atas tanah yang diwakafkan untuk tujuan masjid. Mufti Pulau Pinang pada tahun 1973 pernah mengeluarkan fatwa bahawa pembinaan bangunan baru di atas tanah wakaf tersebut bagi tujuan selain daripada masjid adalah tidak dibenarkan. Namun pada tahun 1989, Jawatankuasa Syariah memutuskan bahawa pembinaan bangunan baru di atas tanah wakaf tersebut diharuskan. Bagaimanapun pada masa kes ini diputuskan fatwa tahun 1989 tersebut masih belum diwartakan. Sehubungan dengan itu, Mahkamah memutuskan bahawa Jawatankuasa Syariah perlu mengkaji kedua-dua fatwa tersebut dan mengeluarkan fatwa yang mutakhir. Oleh itu, Mahkamah telah memutuskan supaya Jawatankuasa Syariah dirujuk kerana mahkamah tidak mampu dan bukanlah ahli dalam menentukan samada kedua-dua fatwa tersebut terpakai. Fatwa kedua telah diwartakan setelah kes tersebut selesai (Md Yusof & Wook, 2017).

iii) Kes berkaitan waris pewakaf: *Muhammad Aiman v Majlis Agama Islam Pulau Pinang*

Kes ini telah berlarutan di antara MAINPP dan juga waris pewakaf sehinggalah waris pewakaf memfailkan satu tindakan di Mahkamah Tinggi Syariah Pulau Pinang.

Waris pewakaf telah bersetuju menandatangani Penghakiman Persetujuan yang mana terjumlah kepada satu penyelesaian penuh, muktamad serta akhir dengan MAINPP. Di dalam Penghakiman Persetujuan tersebut telah menyatakan:

i) Muhamad Amin bin Abdul Rahman adalah waris yang sah kepada Kavana Ebrahim @ Burong melalui keturunan Abdul Cauder di mana ayahnya adalah Abdul Rahman bin Haji

Aboo Bakar pada 21 Mac 2012. Muhamad Amin hendaklah memberi kepada MAINPP bagi Premis No.3304, Jalan Mengkuang, 12200 Butterworth yang terletak di atas tanah Lot 208, Sek.2, Butterworth, Pulau Pinang tersebut dalam tempoh tiga (3) minggu dari tarikh penerimaan notifikasi daripada MAINPP secara bertulis bahawa kunci-kunci rumah-rumah ganti di Projek Teluk Air Tawar sedia untuk diberikan dan Sijil Penghunian untuk rumah-rumah tersebut telah dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan.

- ii) Sebagai balasan, MAINPP hendaklah memberi tiga (3) unit rumah pangsa di lokasi pembangunan Jalan Mengkuang atau Projek Teluk Air Tawar menurut syarat-syarat dan terma-terma dalam Surat Tawaran Penyelesaian dan Surat Akuan Perimaan Tawaran dan Perakuan.
- iii) Sekiranya Muhamad Amin gagal untuk menyerahkan Premis dan Tanah pada tarikh pemberian kosong seharusnya diberikan atau berterusan menghuni dengan memungkirinya syarat-syarat Penghakiman Persetujuan, MAINPP berhak memulakan prosiding pelaksanaan serta merta (MAINPP, 2019).

KESIMPULAN

Kelestarian wakaf bergantung kepada kestabilan pengurusan dan pentadbiran wakaf yang mantap dengan sokongan undang-undang yang komprehensif bagi mengelakkan isu-isu yang timbul tidak membantut prinsip wakaf dilaksanakan untuk pembangunan masyarakat dan negara. Evolusi perundangan dan pentadbiran wakaf menunjukkan perkembangan yang positif. Undang-undang digunakan sebagai satu strategi untuk memastikan kelestarian wakaf dan kesannya dapat hingga ke hari ini. Salah tafsir bahawa undang-undang sebagai halangan besar kepada perkembangan institusi wakaf di Malaysia perlu dielakkan. Urustadbir telus dan amanah perlu dalam pengurusan wakaf diperkasakan dengan teknologi dan perundangan. Kuasa negeri terhadap wakaf harus dikekalkan namun penambahbaikan hanya perlu kepada undang-undang yang jelas dan perubahan minda. Kuasa negeri terhadap tanah kekal tetapi pentadbiran lebih telus dan sama (*standardised*) dengan kewujudan Kanun Tanah Negara. Undang-Undang sedia ada masih belum komprehensif tidak setanding perkembangan wakaf begitu yang pesat. Institusi fatwa juga harus berperanan membantu kepesatan institusi wakaf dan diberi pengiktirafan sewajarnya seperti keputusan Penasihat Syariah terpakai kepada institusi Islam.

RUJUKAN

- Abdul Rashid, R. (2013). Memartabatkan Undang-Undang Islam Dan Mahkamah Syariah Dalam Undang-Undang Tanah Di Malaysia, Jurnal Hadari 5(2), 19-26.
- Abdul Rashid, R., Hussin, R. & Yaakub, N.I. (2015). Pendaftaran Tanah Wakaf dari Perspektif Perundangan, Kertas Kerja Muktamar Waqf Iqlimi II, USIM.
- Ab Ghani, S., Makdin, H.A., & Jalal, B. (2018). Kanun Tanah Negara: Kajian Tinjauan Terhadap Keperluan Pendaftaran Tanah Wakaf, Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, 449-455.
- Ahmad Zaki, G. (2015), Pelaksanaan Istibdal Harta Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. Alor Setar, Kedah. Temu bual, 7 Ogos.
- Ahmad, S. & Muhammed, N.D. (2011) Institusi Wakaf dan Pembangunan Ekonomi Negara: Kes Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. Prosiding Perkem Vi, Jilid 1 (2011) 138 – 147 Issn: 2231-962x
- Ahmad. K, "Metode Istibat Hukum dan Penulisan Fatwa: Satu Kajian di Negeri Kedah", (Tesis Doktor Falsafah, Universiti Utara Malaysia, 2012), hlm. 41.

- Al-Jazairi, A. (2015), al-Maqasid al- 'Amah Li al-Syariah al-Islamiyyah, Amman: Dar al-Nafais
- Al-Ansari, Abi Yahya Zakariyya b. Muhammad, Asna al-Matalib Sharah Rawd al-Talib, Jil. 5, (Dar al-Kutub al-cIlmiyyah, Bayrut, t.th), hlm. 515.
- Al-Bayjuri, Ibrahim b. Qasim, Hashiyyah al-Bayjuri, Jil. 2, (Dar al-Fikr, Misr, t.th), hlm. 43.
- Al-Bukhari, al-Jamic al-Sahih al-Mukhtasar, Kitab al-wasaya, bab waqf al-ard li al-masjid, Jil. 3, Bayrut, Dar Ibn Kathir, hlm. 1020.
- Al-Marbawi, Mohd Idris Abdul Rauf, Kamus Idris al- Marbawi, (Kuala Lumpur: Darul Fikr, 1990M).
- Al-Nasa'i, Kitab Sunan Kubra, kitab al-khayl, bab 'alf al-khayl, Jil. 3, Dar al-Kutub Bayrut, al-cIlmiyyah, hlm. 40.
- Al-Nawawi, Abi Zakariyya Muhy al-Din b. Sharif, Kitab al-Majmuc, Jil. 16, (Maktabah al-Irshad, Jeddah, t.th), hlm. 241.
- Al-Razi, Zain Al-Din, Mukhtar al-Sihah, Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 1988M.
- Al-Sayuti, Jalal al-Din cAbd al-Rahman b. Abi Bakar, al-Dibaj cala Muslim, kitab al-Wasiyyah, Jil. 4, (Dar Ibn Affan, t.tp, t.th), hlm. 226.
- Al-Qasimi, Jamaluddin, al-Fatawa fi al-Islam, tahqiq. Muhammad Abd al-Hakim al-Qadi, (Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah, 1985M).
- Cabutan Minit Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah.
- Cabutan Minit Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak.
- Fail Majlis Agama Islam Negeri Johor 2017.
- Fail Majlis Agama Islam Negeri Perak 2015.
- Ibn Manzur, Lisan al- 'Arab, (Beirut: Muassasah al-Tarikh al- 'Arabi, 1956M).
- Ibn Majah, Sunan Ibn Majah, bab thawab muallim al-nas al-khayr, Jil. 1, Dar al-Fikr, Bayrut, hlm. 88.
- Ibn Qudamah, Abi Muhammad cAbd Allah b. Ahmad b. Muhammad, al-Mughni li Ibn Qudamah, Jil. 6, (1389H/1969M), hlm. 4.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad b. cAbd al-Wahid, Syarah Fath al-Qadir, Jil. 6, (Dar al-Fikr, t.tp, 1397H/1977M), hlm. 201.
- Ibn 'Abidin, "Majmucah Rasail Ibn cAbidin", (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-cArabi, 1325H).
- Ibrahim Najib Muhammad Iwad, al-Qada fi al-Islam, (Kaherah: Majma' al-Buhuth al-Islamiah, 1975M).
- Ibrahim Mustafa et. al, Mucjam al-Wasit, al-Maktabah al-Islamiyyah, (Istanbul, t.th).
- Isamail, M. Z., Ahmad, K., Md. Ariffin, M.F. & Rosele, M.I. (2013). Pemeraksanaan Wakaf Di Malaysia: Satu Sorotan, Kertas Kerja 5th Islamic Economics System Conference, USM, 4-5 September 2011.

- Luis Ma'luf, al-Munjid, (Beirut: maktabah al-Syarqiyyat, 1952M).
- Md Yusof, A. F. & Wook, I. (2017). Fatwa: Kedudukannya di Mahkamah Sivil. Journal of Fatwa Management and Research, Vol. 9. 2017. eISSN:0127- 8886.
- Mohamed, A. & Jasni Sulong (2016). Perubahan Bentuk Amalan Wasiat Masyarakat Melayu: Kesan Kedatangan Islam, Jurnal Antarabangsa Melayu, Jilid 1(2), 195-221.
- Muhammad Abd al-Rauf al-Manawi "al-Ta'rif", (Beirut: Dar al-Fikr al-Muasir, 1989), hlm. 79.
- Muslim, Sahih muslim, kitab al-wasiyyah, bab al-waqf, Jil. 3, hlm. 1255.
- Muslim, Sahih Muslim, kitab al-Wasiyyah, bab ma yalhaqu al-insan min al-thawwab bacda wafatihi, Jil. 3, Dar Ihya' al-Turath al-cArabi, Bayrut, hlm. 1255,
- Muhammad bin Hussain bin Hasan, Macalim Usul al-Fiqh cAinda Ahlu Sunnah Wal Jamacah, Jil.1. (t.tp, 1427H), hlm, 457.
- Mohd Arif, M.I.A., & Markom, R. (2013). Peranan dan kedudukan Majlis Penasihat Shariah untuk memperkasakan sistem kewangan Islam di Malaysia. Jurnal Pengurusan 38(2013) 127 - 132
- Majlis Agama Islam Pulau Pinang (2019). Kenyataan akhbar bagi tindakan penguatkuasaan melibatkan 14 penghuni Tapak Wakaf Abdul Cauder atas tanah lot 208, seksyen 2, Jalan Mengkuang, Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. (Kenyataan Akhbar) https://www.mainpp.gov.my/images/PRESS_RELEASE_JLN_MENGKUANG_FINAL_DRAFT_9_MAC_2019_8_MLM_-_UTK_YDP.pdf
- Mohamad, N.A. (2018). Perkembangan Terkini Enakmen Wakaf di Malaysia: Adakah Komprehensif? Jurnal Undang-Undang Malaysia, 30 KANUN (2).
- Mohd Awal, N.A. (2004). Pengenalan Kepada Sistem Perundangan di Malaysia. International Law Book Services.
- Md Dahlan, N.H. & Kamarudin, A.R. (2003). The Legal History of Wakaf in Malaysia. International Legal History Conference: "Mapping the Law", 3rd - 5th April 2003, University of Exeter.
- Md Dahlan, N.H. & Kamarudin, A.R. (2006). Wakaf In Malaysia: Its Legal Evolution and Development, Shariah Law Report, No 1, 81-104.
- Mahmood, R.H., Mustaffa, N., Musaffar Hamid, L.B., & Johari, N. (2017). Pengurusan Wakaf Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017) e-ISBN: 978-967-2122-15-9
- Othman, R. (2013). Institusi Wakaf Sejarah dan Amalan Kini, Utusan Printcorp Sdn. Bhd.
- Syed Abdul Kader, S.Z. & Md Dahlan, N.H. (2009). Current Legal Issues Concerning Awqaf in Malaysia, International Conference on "Waqf Laws & Management: Reality and Prospects", International Islamic University Malaysia, Gombak Campus.
- Syed Abdul Kader, S.Z. & Mohamed, N.A. (2014). Legal Framework for Management of Waqf Land in Malaysia, Shariah Law Report, No 4, i-xxiii.

Syed Abdul Kader, S.Z. (2015). The Legal Framework of Waqf in Malaysia, dimuat turun daripada https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=2547440

Syed Abdul Kader, S.Z. (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang, Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia 28(1), 101-126.

Wan Ismail, W.F. (2017). Kajian Kes Pengambilan Tanah Wakaf di Kedah: Cadangan Penambahbaikan, Fikiran Masyarakat 5(1), 21-28.

Yaacob, A. M. (2009). Perlaksanaan Perundangan Islam Di Malaysia: Satu Penilaian, Jurnal Fiqh, No 6, 1-20.